



Journal SINERGI 1 (July) (2021) 31 - 55
ISSN 2805-4520



ANCAMAN PENCULIKAN UNTUK TEBUSAN DI PANTAI TIMUR SABAH, MALAYSIA: PERANAN ANGKATAN TUGAS BERSAMA 2 (ATB2)

*Threat of Kidnapping for Ransom (KfR) in the East Coast of Sabah, Malaysia:
The Role of Malaysia's Joint Forces Command 2 (ATB2)*

ABDUL RASHID ABDUL HAMID & RAMLI DOLLAH

ABSTRAK

Pantai Timur Sabah merupakan wilayah yang amat terdedah kepada ancaman keselamatan rentas sempadan khususnya penyeludupan barang dan senjata, kemasukan pendatang haram, kumpulan ekstremisme dan ancaman Penculikan untuk Tebusan (KfR). Salah satu daripada ancaman utama di kawasan ini adalah aktiviti KfR yang dilakukan oleh Kumpulan Abu Sayyaf (KAS) dari Selatan Filipina. Dalam usaha menangani ancaman ini, pelbagai usaha telah diambil oleh pihak kerajaan termasuklah menubuhkan beberapa agensi keselamatan di Malaysia. Namun, dalam membincangkan ancaman ini, kajian-kajian awal lebih banyak memfokuskan kepada peranan yang dimainkan oleh Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) dalam menangani masalah ini. Namun, peranan beberapa agensi-agensi keselamatan lain turut memainkan peranan penting dalam memahami situasi tersebut. Justeru, makalah ini cuba mengkaji peranan dan fungsi yang dimainkan oleh Angkatan Tugas Bersama 2 (ATB2) dalam mengawal keselamatan di Pantai Timur Sabah. Kajian ini menggunakan metode penyelidikan kualitatif melalui teknik temu bual, beberapa siri kerja lapangan dan kajian kepustakaan serta dokumen rasmi kerajaan. Makalah ini mendapati walaupun berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran dalam mendepani masalah keselamatan di kawasan Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE), namun peranan ATB2 amat penting dalam menjamin keselamatan negara.

Kata kunci: Angkatan Tugas Bersama 2 (ATB2); keselamatan; Pantai Timur Sabah; Penculikan untuk Tebusan (KfR); Sabah

ABSTRACT

The East Coast of Sabah is a particularly vulnerable region to cross-border security threats, especially smuggling of goods and weapons, entry of illegal immigrants, extremist groups and of Kidnapping for Ransom (KfR). One of the main threats in this area is the KfR carried out by the Abu Sayyaf Group (KAS) from the Southern Philippines. In an attempt to address this threat, the government has made efforts such as establishing security agencies in Malaysia. However, preliminary studies focus more on the role of the Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) in addressing this problem, despite the fact that several other security agencies also contribute to understand the situation. For that purpose, this article attempts to analyse the Joint Task Force 2 (ATB2) and its function controlling security in the East Coast of Sabah. This study uses qualitative research methods through interview techniques, a series of fieldwork and library studies as well as official government documents. The article found that despite various security issues and challenges in the Eastern Sabah Security Zone (ESSZONE) region, the role of ATB2 is crucial in ensuring national security.

Keywords: *Joint Forces Command 2 (ATB2); security; East Coast of Sabah; Kidnapping for Ransom (KfR); Sabah*

PENGENALAN

Selaras tamatnya Perang Dingin, perbincangan mengenai keselamatan tidak lagi berkisar sepenuhnya kepada ancaman keselamatan tradisional. Sebaliknya, ancaman asimetri atau bukan tentera semakin mengambil alih debat keselamatan kontemporari, tidak terkecuali di Malaysia (Kamarulnizam 1999 & 2010; Dgku Siti Noraini et al. 2019; Chaijaroenwatana & Haque 2020). Dalam konteks Pantai Timur Sabah, ancaman bukan tradisional telah dihadapi sejak berabad lamanya dan terus menghantui pembuat dasar di negara ini. Salah satu daripada ancaman utama di kawasan ini adalah Penculikan Untuk Tebusan (Kidnapping for Ransom - KfR). Insiden penculikan yang berlaku hampir setiap tahun ini mewujudkan keimbangan dan ketakutan dalam kalangan komuniti setempat. Lebih buruk lagi apabila sektor pelancongan di Pantai Timur Sabah turut mendapat impak akibat insiden ini. Bagi mengekang ancaman KfR serta ancaman yang lain di kawasan Pantai Timur Sabah, kerajaan telah menempatkan pelbagai agensi keselamatan bagi mendepani ancaman tersebut. Antaranya adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM), Angkatan Tugas Bersama (ATB) dan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM). Namun, sehingga kini, fokus perbincangan keselamatan lebih banyak membincangkan mengenai peranan dan fungsi ESSCOM dalam memelihara keselamatan di Pantai Timur Sabah. Walhal, agensi keselamatan lain turut memainkan peranan penting di dalam memelihara

keselamatan di wilayah ini. Justeru itu, perbincangan makalah ini memberi tumpuan kepada peranan dan fungsi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui Markas Angkatan Tugas Bersama 2 (MK ATB2), yang berpangkalan di Tawau, Sabah dalam mendepani ancaman keselamatan di pantai timur Sabah, terutamanya yang melibatkan ancaman KfR.


ANCAMAN PENCULIKAN UNTUK TEBUSAN DI SABAH, 2000-2018

Wilayah Pantai Timur Sabah terkenal dengan pelbagai bentuk ancaman keselamatan. Salah satu yang membimbangkan adalah ancaman KfR. Rantau Pantai Timur Sabah mempunyai tradisi kepada ancaman lanun yang juga dikenali sebagai *mundu* dalam kalangan komuniti setempat. Namun, pada peringkat awal, majoriti serangan *mundu* hanyalah bermotifkan rompakan. Walau bagaimanapun, menjelang tahun 2000, motif serangan oleh *mundu* ini dilihat mula beralih kepada ancaman yang lebih kompleks iaitu serangan penculikan yang bermotifkan wang tebusan atau dikenali sebagai KfR (Ramli 2004; Abdul Rashid; Ramli 2020).

Dalam membincangkan mengenai peranan ATB2 dalam menangani ancaman KfR di Pantai Timur Sabah, dua insiden penculikan awal perlu diberikan perhatian. Pertama, insiden penculikan di Pulau Sipadan, Semporna yang berlaku pada 23 April 2000; dan, kedua, insiden penculikan di Pulau Pandanan pada 10 September 2000. Kes penculikan Sipadan berlaku apabila enam orang Kumpulan Abu Sayyaf (KAS) yang menggunakan dua buah bot Tempel dengan bersenjatakan AK47, Bazooka dan M16 menawan 10 orang warga Malaysia yang bekerja dengan pusat peranginan di Pulau Sipadan dan 11 warga asing. Dalam insiden penculikan ini, KAS mengemukakan beberapa tuntutan ke atas kerajaan Malaysia antaranya menuntut wang berjumlah AS\$1 juta bagi setiap tebusan. Seterusnya pada 28 April 2000, kumpulan ini mengemukakan tuntutan mereka untuk pembebasan kesemua tawanan ini. Rundingan ini berterusan dan akhirnya RM57 juta dibayar kepada Kumpulan Abu Sayaff (KAS) untuk pembebasan 20 orang tebusan di Pulau Sipadan (Ramli, 2004). Sementara itu, insiden Pandanan berlaku beberapa bulan selepas itu iaitu pada 10 September 2000. Dalam insiden ini, sekumpulan penculik bersenjatakan M16 dengan 2 bot laju melakukan penculikan di Pulau Pandanan, hanya beberapa kilometer dari Pulau Sipadan. Namun, dengan bantuan pihak tentera Filipina, akhirnya kesemua tebusan ini berjaya dibebaskan pada Oktober 2000.

Kedua-dua insiden penculikan ini menunjukkan perubahan modus operandi kumpulan *mundu* ini di mana ia tidak lagi melakukan rompakan semata-mata. Sebaliknya telah berubah kepada ancaman penculikan untuk mendapatkan keuntungan yang melibatkan wang tebusan bernilai jutaan ringgit (Whitman & Suarez 2012). Kumpulan KfR sedar bahawa ganjaran melalui aktiviti penculikan ini jauh

lebih menguntungkan berbanding aktiviti rompakan di laut/pesisir seperti sebelum ini. Kejayaan kumpulan ini memperoleh bayaran wang tebusan menjadi motivasi untuk terus melakukan kegiatan KfR. Hal ini juga sekali gus menjelaskan bahawa tidak wujud elemen ideologi dalam insiden penculikan ini (Abdul Rashid & Ramli 2020). Sebaliknya, kumpulan KfR melakukan operasi penculikan untuk mendapatkan keuntungan yang lebih besar. Rajah 1 merupakan rekod insiden KfR yang sepanjang tahun 2000-2018.



RAJAH 1. Bilangan Insiden & Bilangan Mangsa KfR, 2000-2018

Sumber: MKN (2018); ESSCOM (2019); Abuza (2005); Ramli et al. (2016); McCabe (2018); East (2018).

Secara keseluruhannya, terdapat 25 insiden KfR yang berlaku di Pantai Timur Sabah sepanjang tahun 2000-2018. Berdasarkan kepada rekod ini, menunjukkan bahawa insiden tersebut berlaku hampir setiap tahun semenjak tahun 2000 sehingga tahun 2005. Ketiadaan insiden KfR sepanjang tahun 2006 sehingga 2009 diperdayai berpunca daripada kawalan ketat pasukan keselamatan ke atas sempadan perairan Pantai Timur Sabah di samping kerjasama antara kerajaan Malaysia-Filipina di Laut Sulu. Menjelang tahun 2010, negara sekali lagi dikejutkan dengan insiden KfR dan ia berterusan sehingga tahun 2018. Tahun 2016 mencatatkan insiden KfR paling tinggi iaitu sebanyak 10 insiden diikuti oleh tahun 2014 sebanyak 4 insiden (MKN 2018; ESSCOM 2019; Abuza 2005; Ramli et al. 2015). Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan mengapa ancaman KfR ini terus berlaku di wilayah pantai timur, Sabah sehingga ke hari ini. Antara faktor luaran yang dikenal pasti adalah dikaitkan dengan ketidakstabilan wilayah selatan Filipina yang memberi tempias kepada negeri Sabah (Kramer 2001; Ugarte 2010; Santos et al. 2010). Selain faktor luaran, faktor dalaman

seperti kedudukan negeri Sabah yang hampir dengan selatan Filipina, bentuk muka bumi Pantai Timur Sabah, lambakan migran yang menjadi dalang kumpulan KfR serta faktor tarikan wang tebusan yang lumayan turut menyumbang kepada masalah ini (Wan Shawaluddin & Ramli 2008; Jawhar & Sariburaja 2016; Gutierrez 2016).


METODOLOGI DAN KAWASAN KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Data-data yang dikumpul menggunakan dua sumber iaitu, primer dan sekunder. Sumber primer diperolehi sama ada melalui temu bual bersama dengan beberapa pihak penting pegawai-pegawai ATB2, Kementerian Pertahanan, ESSCOM dan pihak-pihak berkepentingan lain terutamanya Majlis Keselamatan Negara (MKN). Bagi memperoleh maklumat-maklumat ini, kerja lapangan dan temu bual telah dijalankan beberapa kali di Lahad Datu, Tawau dan beberapa daerah di Pantai Timur Sabah sekitar tahun 2016 sehingga 2019. Walau bagaimanapun, kajian juga berhadapan dengan masalah dalam memperoleh bahan mengenai isu ini kerana kebanyakannya daripada bahan-bahan mengenai operasi Ops Pasir dan ATB2, yang menjadi fokus kepada makalah ini dianggap terlalu sulit oleh pihak ATM. Bagi menangani masalah ini, kajian ini terpaksa bergantung kepada bahan-bahan sekunder terutamanya melalui kajian di perpustakaan. Bahan-bahan sekunder diperoleh melalui majoritinya menggunakan platform yang boleh di akses melalui atas talian yang berwibawa terutamanya di halaman seperti *MyJurnal*, *Researchgate*, *Science Direct*, *Springer*, *Google Scholar* dan sebagainya. Bagi memudahkan kajian ini, beberapa kriteria kata kunci digunakan dalam proses carian antaranya seperti; (1) keselamatan Pantai Timur Sabah (2) penculikan; (3) ESSCOM dan (4) Abu Sayyaf.

Kawasan kajian meliputi negeri Sabah terutamanya wilayah Pantai Timur negeri Sabah. Jika dilihat dalam letak kedudukan negeri Sabah di dalam peta, Sabah terletak di utara Kepulauan Borneo iaitu pulau ketiga terbesar di dunia. Sabah memiliki keluasan kira-kira 73,620 km². Seluruh wilayah Sabah terletak di kawasan tropika dengan garisan Timur 115° hingga 119° dan garisan Utara 4° hingga Utara 7°. Wilayah maritim Sabah berkeluasan 106,823 km persegi (meliputi Zon Eksklusif Ekonomi atau ZEE) dan mempunyai kepanjangan pantai 1,860km dan dikelilingi oleh tiga buah laut utama iaitu Laut China Selatan di sebelah Barat negeri Sabah manakala Laut Sulu dan Laut Sulawesi di sebelah timur. Ia memiliki lebih kurang 495 buah pulau termasuk Beting-Beting menjadikan negeri Sabah sebagai salah satu kawasan yang agak mencabar dari segi keselamatan (Hazani Ghazali 2020).

Manakala di sempadan maritim, negeri Sabah berkongsi dengan wilayah selatan Filipina dan Indonesia khususnya di Sempadan Tawau dan Pulau Sebatik. Kedudukan Sabah--khususnya wilayah pantai timur yang strategik kepada segala bentuk aktiviti maritim sama ada perdagangan, perikanan mahupun pelancongan ini--menjadi

tumpuan kepada pelbagai pihak. Wilayah ini merupakan laluan perdagangan, serta perairan yang luas yang banyak sumber, pulau-pulau yang cantik sekali gus menarik ramai pelancong sama ada dalam dan luar negara untuk mengunjungi wilayah ini. Namun, pada masa yang sama, wilayah Pantai Timur Sabah ini turut terdedah kepada pelbagai bentuk ancaman antaranya seperti pelanunian, rompakan, penyeludupan, kebanjiran pendatang dan sebagainya. Hal ini kerana wilayah Pantai Timur mempunyai jarak yang dekat dengan wilayah bergolak di Selatan Filipina khususnya di wilayah Sulu dan Tawi-Tawi. Di bahagian utara, Pulau Banggi terletak berhampiran dengan Pulau Palawan. Manakala, di bahagian Pantai Timur Sabah, negeri Sabah berhampiran dengan Pulau Tawi-Tawi. Rajah 2 di bawah menunjukkan peta kedudukan negeri Sabah dengan sempadan negara Filipina yang menjadi fokus perbincangan.



RAJAH 2. Pantai Timur Sabah dan Kedudukan pulau-pulau utama di Filipina

Sumber: ESSCOM (2018)

Berdasarkan kepada Rajah 2, dapat dilihat bahawa wilayah di Semenanjung Sulu terdiri daripada tiga daratan atau pulau utama iaitu Pulau Basilan, Pulau Jolo dan Pulau Tawi-Tawi yang mana berada pada kedudukan hampir dengan wilayah daratan wilayah Pantai Timur Sabah. Selain tiga pulau tersebut, terdapat juga pulau-pulau kecil yang berselerak dalam wilayah semenanjung Sulu, di Filipina khususnya Pulau Pandami, Pulau Pata, dan Pulau Siasi.

ULASAN LITERATUR

Rantau Asia Tenggara merupakan kawasan yang amat terdedah kepada pelbagai bentuk ancaman, terutamanya ancaman bukan-tradisional (Chalk 1997; Caballero-Anthony et al. 2006; Liss 2011; Wu & Zou 2014 dan Freedman & Murphy 2018). Dalam hal ini, salah satu titik panas (hotspot) di rantau ini adalah di Pantai Timur Sabah yang terletak di Laut Sulu. Jelasnya Pantai Timur Sabah dan perairan Malaysia di Laut Sulu merupakan kawasan yang amat terdedah kepada pelbagai ancaman keselamatan sama ada ia berbentuk ancaman tradisional (misalnya tuntutan Filipina ke atas Sabah) dan juga ancaman bukan-tradisional (penyeludupan, kehadiran pendatang tanpa izin, pengganas dan lanun serta penculikan) (Ramli et al. 2016; Lai 2016; Eko Prayitno 2014). Salah satu ancaman maritim utama di kawasan ini adalah berkait dengan ancaman perlanungan dan penculikan (Liss 2010; Abd Rashid & Ramli 2020).

Berhadapan dengan pelbagai bentuk ancaman terbabit, menyebabkan kerajaan Malaysia bertindak melaksanakan beberapa dasar dan pendekatan dalam mengurus keselamatan negeri Sabah. Keadaan menjadi semakin kritikal selepas berlakunya insiden Tanduo, Lahad Datu pada tahun 2013 yang akhirnya memaksa kerajaan menubuhkan ESSCOM dan beberapa pendekatan keselamatan secara unilateral, bilateral dan trilateral bersama-sama dengan negara lain (Rabasa & Chalk 2012; Ramli et al. 2013; Duffy 2017 & Storey 2018). Walaupun begitu, kajian-kajian awal mengenai keselamatan ini lebih banyak menumpukan kepada peranan ESSCOM dalam menjamin keselamatan di wilayah ESSZONE ini. Hal ini menyebabkan peranan-peranan agensi keselamatan lain seolah-olah hilang daripada radar perbincangan. Untuk tujuan tersebut, maka kajian ini berusaha untuk membincangkan peranan dan sumbangan yang dimainkan oleh ATB2 dalam menjamin keselamatan di Malaysia, dan Pantai Timur Sabah khususnya.

AGENSI KESELAMATAN DAN PENGOPERASIAN DI KAWASAN ESSZONE

Dalam membincangkan mengenai keselamatan di Pantai Timur Sabah atau juga dikenali sebagai wilayah ESSZONE (Ramli & Mohd Zambri 2015), perlu difahami bahawa terdapat beberapa agensi keselamatan yang terlibat secara langsung dalam mengawal ancaman keselamatan di wilayah ini antaranya adalah seperti *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Pengawalkuasa Maritim Malaysia (APMM) dan sebagainya. Kesemua agensi ini memiliki bidang kuasa dan kawasan tanggungjawab (KTJ) tersendiri. Dalam hal ini,

ESSCOM merupakan agensi utama di mana ia berfungsi sebagai koordinator kepada agensi-agensi lain. Namun, walaupun ESSCOM merupakan peneraju dan bertindak menjadi organisasi yang mengkoordinasi pasukan keselamatan di Pantai Timur Sabah, agensi-agensi lain turut memainkan peranan yang penting dalam menjamin keselamatan negeri Sabah. PDRM misalnya menaungi beberapa sub-perkhidmatan di dalam pasukan tersebut yang melibatkan Pasukan Gerakan AM (PGA), Pasukan Polis Marin (PPM) dan Pasukan Gerakan Khas (PGK). Manakala ATM menaungi tiga lagi pasukan iaitu Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara. Dari aspek pelaksanaan operasi, PDRM menerusi Pasukan Gerakan Am (PGA) melaksanakan *Ops Taring* dan *Ops Coral* yang menumpukan kawasan perairan dan kawasan terumbu. Hal yang sama turut berlaku kepada APMM di mana pasukan ini turut memainkan peranan dalam memelihara keselamatan di Pantai Timur Sabah. Pasukan ini terlibat dalam *Op Paradise* terutamanya di kawasan perairan Sabah.

Oleh itu, kajian ini akan memberikan tumpuan kepada peranan dan fungsi yang dimainkan oleh ATM melalui Angkatan Tugas Bersama 2 (ATB2) yang berpangkalan di Kem Kukusan, Tawau, dalam menangani ancaman jenayah rentas sempadan terutamanya kumpulan KfR. Peranan ATB2 amat penting dalam memahami penguatkuasaan di Pantai Timur Sabah kerana ianya telah memainkan peranan yang besar sebelum penubuhan ESSCOM lagi melalui *Ops Pasir*. Malahan, apabila ESSCOM ditubuhkan selepas insiden Tanduo pada 2013, ATB2 masih dilihat relevan dan mempunyai peranan yang besar sebagai salah satu komponen utama dalam keselamatan di negeri Sabah.

LATAR BELAKANG MARKAS ANGKATAN TUGAS BERSAMA (MK AB)

Markas Angkatan Tugas Bersama (MK ATB) yang berpusat di Kuantan, Pahang merupakan markas yang menggabungkan ketiga-tiga perkhidmatan ATM iaitu Darat, Laut dan Udara. Ia merupakan markas yang bertanggungjawab menggerakkan semua operasi di seluruh Malaysia dan Luar Negara. Manakala, ATB 2 yang berpangkalan di Tawau merupakan Pangkalan Operasi Hadapan yang menyelaras semua penugasan pasukan dari semua cabang perkhidmatan ATM khususnya dalam aspek atur gerak melalui perintah dan kawalan yang efektif yang tertumpu kepada *Ops Pasir* di Pantai Timur Sabah.

Penubuhan MK ATB diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Menteri pada 24 April 2004 dan Mesyuarat Jawatankuasa Panglima-Panglima ke-361 pada 16 Jun 2004. Cadangan penubuhan MK AB ini kemudiannya diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera ke 340 pada 26 Julai 2004. Najib Razak, Menteri Pertahanan dan juga merupakan Timbalan Perdana Menteri Ketika itu, menyokong syor ini dan ia akhirnya berjaya dilancarkan pada 6 September 2004 (*Buletin MAB*, 2010). Apabila perjawatan di dalam organisasi ini diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada

16 Julai 2007, maka ia menandakan bermulanya penubuhan organisasi ini secara rasmi dan diketuai oleh Panglima Angkatan Bersama (PAB) Leftenan Jeneral Dato' Allatif Mohd Noor pada 1 Oktober 2007. Lanjutan daripada itu, seramai 312 pegawai dan anggota telah dilantik sebagai memenuhi perjawatan di dalam organisasi ini.

Dengan logo ‘Berjuang Bersama’, MK AB melaksanakan tugas berdasarkan kepada dua konsep Bersama (Jointness) yang bersifat Tiga Khidmat (Tri-Services) yang bertujuan untuk memastikan organisasi ini berfungsi dengan sempurna dalam usaha membantu Panglima Angkatan Tentera (PAT) dalam aspek pemerintahan dan pengawalan operasi di peringkat tertinggi ATM. Dalam hal ini, MK AB turut berperanan sebagai *operational level command* yang bertanggungjawab terhadap perancangan dan perlaksanaan semua operasi yang melibatkan Operasi Bersama (Joint Operation), operasi yang berkemungkinan menjadi bersama (Potentially Joint Operation), Operasi Gabungan (Combined Operation), dan operasi yang melibatkan banyak negara (Multinational Operation) yang melibatkan banyak negara seperti operasi keamanan di bawah piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Di samping itu, Markas tersebut turut juga bertanggungjawab melaksanakan semua Latihan Bersama (Buletin MAB 2010).

Dari segi struktur organisasi, ATB diketuai oleh Panglima Angkatan Bersama (PAB). Di bawah PAB terdapat beberapa bahagian yang masing-masing melaksanakan tanggungjawab dalam organisasi ATB (*Buletin MAB*, 2010 dan 2014). PAB (Lt Jen) akan disokong oleh seorang Mejaz Jeneral dan secretariat MK ATB. Terdapat sembilan bahagian dalam struktur organisasi ATB yang memiliki tanggungjawab tersendiri (*Buletin MAB* 2010).

PENCULIKAN SIPADAN-PANDANAN DAN PENUBUHAN MK ATB2, TAWAU

Seperti yang dibincangkan, peranan ATB2 dalam keselamatan di Pantai Timur Sabah bermula selepas berlakunya insiden penculikan yang melibatkan warga asing pada tahun 2000 di Pulau Sipadan dan Pulau Pandanan. Rentetan daripada insiden penculikan yang berlaku pada 23 April 2000 di Pulau Sipadan, mesyuarat Jemaah Menteri telah bersidang pada 26 April 2000 dan memutuskan satu seksyen Tentera Darat (TD) diatur gerak di Pulau Sipadan dan pulau-pulau berhampiran sebagai langkah mencegah sebarang ancaman di samping menyokong pasukan PDRM yang bertanggungjawab dalam menguatkuasakan undang-undang (PDRM 2003). Kejadian insiden KfR yang berlaku pada 10 September 2000 di Pulau Pandanan telah membawa Jemaah Menteri untuk bersidang pada 13 September 2000 dan memutuskan untuk melaksanakan *Ops Pasir*, sempena mengambil nama *Pandanan and Sipadan Island Resort*.

Selaras dengan pelaksanaan *Ops Pasir*, Jemaah Menteri bertindak mengarahkan Bahagian Keselamatan Negara (BKN), Putrajaya untuk mewujudkan Sel Koordinasi *Ops Pasir* (SKOP) di negeri Sabah sebagai badan penyelaras kepada agensi-agensi lain seperti ATM, PDRM atau agensi keselamatan lain dalam mengekang ancaman tersebut (PDRM, 2003). Pada peringkat awal, SKOP berfungsi sebagai penyelaras kepada ketiga-tiga cabang ATM untuk melakukan tugas secara bersepadu. *Ops Pasir* akhirnya dilancarkan secara rasmi pada 18 September 2000 dan diletakkan di bawah tanggungjawab TD di bawah Markas (MK) 5 Briged, Kem Lok Kawi, Sabah. Dalam memastikan koordinasi ini berjalan dengan lancar, TD bertindak mengatur gerak anggota dan menduduki 20 buah pulau dan 7 lokasi persisiran pantai, TLDM melakukan rondaan maritim sepanjang masa dan TUDM melaksanakan rondaan udara dari masa ke semasa (*Buletin MAB* 2014; ESSCOM 2018). Bagi memperkasakan keselamatan di kawasan ini, beberapa inisiatif telah diambil termasuk menilai semula keberkesanan *Ops Pasir*. Hasilnya, pada 15 Oktober 2001, kerajaan mengambil keputusan untuk membahagikan kawalan kawasan *Ops Pasir* ini kepada 2 sektor iaitu sektor Utara dan sektor Selatan. Keputusan ini melibatkan penambahan satu batalion infantri di mana sebuah batalion ditugaskan mengawal 10 buah pulau di sektor utara dan pusat kawalannya diletakkan di Pulau Berhala, Sandakan. Sementara itu, sebuah lagi batalion ditugaskan mengawal 10 buah pulau di sektor selatan dengan menjadikan Semporna sebagai pusat kawalannya (*Buletin MAB* 2010).

Walau bagaimanapun, SKOP telah dibubarkan pada 31 Julai 2003. Pembubaran ini bermakna BKN tidak lagi bertindak menyelaraskan *Ops Pasir*, tetapi tugas ini telah diambil sepenuhnya oleh ATM. Akhirnya, menjelang tahun 2006, tanggungjawab melaksanakan *Ops Pasir* telah diserahkan kepada MK ATB 2. Keputusan ini adalah hasil daripada mesyuarat Jawatankuasa Panglima-Panglima ke-374 yang bersidang pada 15 Mac 2006 (*Buletin MAB* 2014). Bagi merealisasikan hasrat ini, maka Markas Angkatan Tugas Bersama (MK ATB) 2 telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 7 April 2007 sebagai menyokong usaha tersebut. Pasukan ini berfungsi untuk menyelaras semua penugasan, atur-gerak, perintah dan kawalan aset-aset yang dipertanggungjawabkan di bawah *Ops Pasir*. Sebelum penubuhannya secara rasmi, satu kumpulan perintis yang terdiri dari 4 pegawai dan 10 anggota lain-lain pangkat termasuk 3 anggota dari Rejimen Perhubungan Strategik (RPS) telah ditubuhkan di KD Sri Semporna. Markas Angkatan Tugas Bersama 2 (MK ATB 2) pada awalnya terletak di KD Sri Semporna, yang merupakan Pangkalan Pasukan Khas Laut (PASKAL). Namun, memandangkan penempatan di Semporna tidak begitu sesuai, maka ATB2 telah dipindahkan ke Tawau dengan menumpang di pejabat 7 RAMD, Kem Kukusan, Tawau. Akhirnya, selepas beroperasi hampir tiga bulan di KD Sri Semporna, MK ATB 2 kemudiannya dipindahkan ke Kem Kukusan, Tawau pada 1 Julai 2007 (MK ATB 2 2014). Pada 25 Januari 2010, PAT, Jeneral Tan Sri Datu Sri Azizan Ariffin TUDM telah menyempurnakan Upacara Perasmian Bangunan Baru ATB2 (MK ATB2) di Tawau Sabah.

Penubuhan ATB2 ini adalah bertujuan untuk menyelaras dan mengkoordinasi semua penguasaan pasukan *assigned forces* dari segi atur-gerak, perintah dan kawalan aset yang dipertanggungjawabkan, melaksanakan *Ops Pasir* di dua sektor utama iaitu sektor utara dan sektor selatan yang merangkumi penempatan tentera di kawasan strategik di pulau-pulau dan pesisiran pantai dari Kudat hingga ke Tawau (*Buletin MAB* 2010). Walau bagaimanapun, apabila ESSCOM ditubuhkan pada 13 Apr 2013 di Lahad Datu, Sabah, susulan insiden Tanduo, maka ATB2 telah diletakkan di bawah *Operational Control* (OPCON) yang menjadi salah satu Komponen Pertahanan di bawah ESSCOM.

Secara ringkasnya, ATB2 bermatlamat untuk menghindari sebarang bentuk ancaman dan pencerobohan anasir-anasir luar yang boleh mengancam keselamatan terutamanya di kawasan Pantai Timur Sabah. Bagi menjayakan usaha ini, ia menumpukan kepada pengawasan (surveillance), pencegahan (deterrence) dan perlindungan (protection) di kawasan-kawasan yang dipertanggungjawabkan kepada organisasi ini yang diletakkan secara langsung di bawah *Operation Control* (OPCON) Komander ATB2. Bagi memastikan kejayaan pasukan ini dalam perlaksanaan operasi OP Pasir, penggunaan aset UAV dan CSS juga digunakan. Maklumat diperoleh melalui radar *sloop* atau *real time video* yang dipancarkan secara langsung ke JRCC di MK ATB2 (*Buletin MAB* 2010).

Sepantas lalu, antara tugas dan tanggungjawab pasukan ini adalah untuk menghalang sebarang bentuk pencerobohan, penculikan dan rompakan laut; mengesan, mengenal pasti, menahan dan mencegah dan jika perlu, menangkap kumpulan-kumpulan bersenjata serta penyokong-penyokong mereka yang menceroboh perairan Malaysia. Dalam pada masa yang sama pasukan ini turut mengadakan rondaan yang agresif dan menubuhkan pos-pos pemerhati dan pendengaran pada siang dan malam; menahan pelarian-pelarian yang mendarat di pulau-pulau dan menyerahkan mereka kepada pihak polis; mencegah penyeludupan; dan mencegah sebarang bentuk tindakan menge bom dan memusnahkan kehidupan marin (MK ATB2 2010).

OPERASI KESELAMATAN DI BAWAH MK ATB2

Seperti yang dibincangkan awal di atas, ATB2 terlibat secara langsung dalam menjaga keselamatan di Pantai Timur Sabah melalui *Ops Pasir* sebaik sahaja insiden penculikan di Sipadan dan Pandanan berlaku pada tahun 2000. Apabila ESSCOM ditubuhkan dan menjadi badan yang mengkoordinasi operasi keselamatan di Pantai Timur Sabah pada tahun 2013, ATB2 terus berperanan dalam melaksanakan *Ops Pasir* yang kini diletakkan di bawah salah satu komponen penting *Ops Sanggah*¹ di bawah ESSCOM. Melalui *Ops Pasir* ini, MK ATB 2 yang meliputi ketiga-tiga cabang ATM memberi tumpuan kepada kawasan pulau dan perairan dengan keluasan kawasan sekitar 13,123.97 km² (*TLDM* 2017).

Menyedari akan kepentingan ATB2 dalam konteks keselamatan Sabah, fungsi dan peranan agensi ini telah diangkat untuk bertindak sebagai Pangkalan Hadapan (forward defence). Idea menubuhkan Pangkalan Hadapan ini telah dikemukakan oleh Panglima Angkatan Tentera (PAT) kepada Menteri Pertahanan semasa lawatan beliau ke *Ops Pasir* pada Ogos 2008. Hasil daripada cadangan tersebut, kertas cadangan penubuhan Pangkalan Operasi Hadapan telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Panglima-Panglima. Akhirnya pada 1 Januari 2010, secara rasminya fungsi dan peranan MK ATB2 juga telah dipertingkatkan kepada status Pangkalan Operasi Hadapan (FOB) (MK ATB 2 2014). Markas ini turut dilengkapi dengan *Joint Regional Command Center* (JRCC) yang dilengkapi dengan sistem integrasi yang dikenali sebagai ‘MASURI’ dan sistem radar inisiatif 1206 yang merangkumi sistem pengawalan maritim berintegrasi dan sistem kawalan berpusat bagi mengawal *Ops Pasir* (*Buletin MAB* 2010).

Pelaksanaan *Ops Pasir* ini dibahagikan kepada dua kawasan sektor tumpuan iaitu sektor utara dan sektor selatan dengan dibahagikan kepada 13 sektor yang terdiri daripada tujuh sektor utara dan enam sektor selatan (TLDM 2018). Sektor utara menumpukan daerah Sandakan sehingga ke Pulau Banggi iaitu manakala, sektor selatan menumpukan kawalan yang meliputi daerah Lahad Datu, Semporna dan Tawau (TLDM 2017). Bagi pasukan TLDM, terdapat 2 aset yang diatur gerak dalam melaksanakan *Ops Pasir*. Kedua-duanya adalah berada di bawah naungan Markas Wilayah Laut 2 (MAWILLA 2) yang berpangkalan di Sandakan. Ia ditugaskan bagi membantu melaksanakan pengawasan 24 jam serta mengumpul maklumat yang dikoordinasikan oleh MK ATB2 (TLDM 2018). Salah satu daripada aset ini ditugaskan secara berkala selama 30 hari bagi setiap penugasan dan akan bersauh di utara perairan pulau Malawali. Manakala sebuah lagi akan bersauh di perairan Pulau Taganak, Sandakan dan akan melaksanakan ulang bekal setiap tiga bulan di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu (TLDM 2018). Pada masa yang sama, sebuah pesawat FENNEC dioperasikan di bawah MK ATB 2 dan di tempatkan di KD Sri Semporna (TLDM 2018).

Manakala bagi tentera darat (TD), semenjak pelancaran *Ops Pasir* sehingga 2010, ATM tersebut telah menduduki lebih kurang 21 pos di 19 buah pulau melibatkan satu batalion infantri dan markas kawalan ditempatkan di Kem Sri Wangsa, Semporna (*Buletin MAB* 2010). Sementara itu, semenjak 2014 sehingga kini TD turut mengatur gerak anggota melalui pengagihan kawasan tanggungjawab di sektor utara dan sektor selatan. Sektor Utara meliputi 15 lokasi yang meliputi empat penempatan pesisir pantai dan 11 penempatan di kawasan pulau (MK ATB2 2018). Sektor utara merujuk kepada kawasan yang meliputi Sandakan dan mengunjur naik ke Kudat dan diletakkan di bawah tanggungjawab batalion infantri daripada semenanjung yang menduduki 15 lokasi terdiri daripada 12 penempatan di pulau dan tiga (3) penempatan di pesisir pantai. Pos penempatan pulau di sektor utara berada di 5 lokasi di Kudat dan 8 di

Sandakan (ESSCOM 2014; MK ATB2 2014). Bagi sektor utara, pos penempatan darat terletak 1 di Kudat dan 2 di Kinabatangan (ESSCOM, 2014; MK ATB2 2014).

Bagi sektor selatan, penugasan ATB merangkumi 13 lokasi yang terdiri daripada 11 penempatan pulau dan dua penempatan pesisir pantai. Bagi sektor selatan, kawalan tertumpu di daerah Tawau dan mengunjur turun ke daerah Semporna. Di peringkat permulaan, sektor selatan diletakkan di bawah tanggungjawab Batalion Infantri Markas Divisyen 1 yang berpangkalan di Kuching merangkumi 13 lokasi dengan 11 penempatan di pulau dan dua (2) penempatan di pesisir pantai. Walau bagaimanapun menjelang tahun 2016, kawasan ini diletakkan di bawah tanggungjawab Markas Divisyen 5 yang berpangkalan di Kota Kinabalu (MK ATB2 2014). Manakala, pos daratan yang terletak di sektor selatan adalah 1 pos di Semporna dan 1 pos di Tawau (ESSCOM 2018).

Dalam hal ini, aset TD ATB2 tertumpu di kawasan berancaman tinggi terutamanya di kawasan yang terdedah kepada ancaman penculikan di daerah Semporna. Sementara itu, di kawasan berancaman rendah, pengawasan dan pencegahan dilakukan melalui tindakan *omnipresence* dan *widespread* bagi menunjukkan kehadiran anggota keselamatan melalui aktiviti rondaan. Ini bertujuan meningkatkan keyakinan komuniti setempat (*Buletin MAB* 2014).

Disebabkan oleh fungsi ATB2 sebagai pangkalan hadapan pertahanan, maka organisasi ini turut dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan Pangkalan Laut (Sea Basing). *Sea Basing* adalah platform di laut yang berperanan sebagai Pangkalan Operasi Hadapan (POH) bersepadu yang ditempatkan di lokasi strategik perairan ESSZONE bagi menyokong pelaksanaan *Ops Sanggah* dan *Ops Pasir* oleh ESSCOM selepas berlakunya insiden pencerobohan Tanduo pada tahun 2013. Ianya berfungsi sebagai platform sokongan logistik terhad, pusat pemerintahan, kawalan, pengawasan, penerimaan dan penyaluran maklumat serta mengatur gerak aset di peringkat taktikal. Selain itu, konsep *sea basing* berfungsi untuk mengatur gerak pasukan keselamatan jauh ke hadapan terutama ke lokasi-lokasi di persempadanan perairan negara yang dikenal pasti sebagai laluan utama penjenayah. Ia bertujuan untuk mengesan sebarang ancaman dan menanganinya sebelum ia berjaya mendarat ke kawasan daratan negara. Dengan kata lain, *sea basing* berfungsi untuk mengatasi dan menghapuskan *staging point* yang dikenal pasti menjadi tempat KfR berkumpul sebelum memasuki negeri Sabah.

Dalam hal ini, terdapat dua bentuk *sea basing* yang utama iaitu Pangkalan Laut Tun Azizan (PL TAZ) yang dilancarkan pada 15 Mei 2015 merupakan platform statik yang menggunakan *Mobile Oil Production Unit* (MOPU). Sementara itu, Pangkalan Laut Tun Sharifah Rodziah (PL TSR) merupakan platform bergerak menggunakan kapal terpakai

yang dilancarkan pada 31 Julai 2015. Kedua-dua platform ini (pelantar minyak terpakai dan sebuah kapal kargo terpakai) merupakan hasil sumbangan tanggungjawab sosial syarikat Petroleum Nasional, PETRONAS kepada keselamatan negara (Norhasni 2015; Mohd Fahmi 2016). Kedua-dua pangkalan ini berfungsi sebagai platform Pangkalan Operasi Hadapan (POH) bagi menyokong dan memperkasakan operasi keselamatan di ESSZONE khususnya *Ops Pasir* yang diletakkan di bawah *Ops Sanggar* (MKN 2017). Kedudukan strategik PLTAZ dan PLTSR membolehkan pengawasan 24 jam dilakukan dan tindakan pemintasan dapat diambil sekiranya berlaku pencerobohan. Di samping itu, kedudukan PLTAZ dan PLTSR yang sedia berada di tengah laut memberi kelebihan kepada bot pemintas dan bot ronda untuk beroperasi kerana tidak perlu berulang-alik dari pangkalan sama ada di Semporna mahupun di Sandakan. Dari aspek kelengkapan peralatan dan aset ketenteraan di pangkalan laut ini, ia dilengkapi dengan bot peronda, bot pemintas, helikopter dan Pesawat Udara Tanpa Pemandu (UAV) (TLDM 2017).

Dari segi arahan operasi, PLTSR dan PLTAZ merupakan aset keselamatan di bawah TLDM dan statusnya di bawah *Operational Command* (OPCOMD) Markas Pemerintahan Armada. Dari segi pelaksanaan operasi, PLTSR dan PLTAZ ini diletakkan di bawah *operational control* (OPCON) dan *tactical control* (TACON) Komander ATB2. Oleh itu, Komander ATB2 perlu merujuk PAB sebelum melaksanakan sebarang operasi melibatkan Pangkalan Laut di kedua-dua platform terbabit. Perlu juga dijelaskan bahawa disebabkan MK ATB2 berada di bawah OPCON yang dikendalikan oleh ESSCOM, maka sebarang pergerakan atau tindakan yang melibatkan perlu menyalurkan kesemua arahan melalui ESSCOM, terutamanya semasa berlakunya insiden kecemasan. Dari segi kekuatan, PLTSR memiliki kekuatan seramai 84 pegawai dan anggota. Manakala terdapat seramai 85 pegawai dan anggota ditugaskan di PLTAZ (Norhasni 2015).

KEJAYAAN DAN SUMBANGAN ATB2 KEPADA KESELAMATAN DI PANTAI TIMUR SABAH/ESSZONE

Seperti yang telah dibincangkan, ATB2 merupakan agensi yang bertanggungjawab kepada *Ops Pasir* sejak insiden Sipadan dan Pandanan pada tahun 2000. Selepas penubuhan ESSCOM pada tahun 2013, walaupun ATB2 hanya menjalankan fungsi di bawah koordinasi ESSCOM, namun keselamatan dan keamanan yang dicapai di pantai timur Sabah atau ESSZONE pada hari ini tidak akan dapat dikecapi tanpa sumbangan ATB2. Dalam hal ini, kajian mendapati beberapa sumbangan dan kejayaan yang perlu direkodkan hasil usaha yang dijalankan oleh ATB2 dan agensi-agensi keselamatan lain di pantai timur Sabah.

KEJAYAAN MENGEKANG ANCAMAN KFR DAN JENAYAH RENTAS SEMPADAN

Jika diteliti daripada aspek pencapaian *Ops Pasir*, semenjak diperkenalkan pada tahun 2000, operasi ini dilihat berjaya mengurangkan ancaman di wilayah pantai Timur Sabah ini. Ini dapat dilihat melalui jumlah insiden serangan KfR di Sabah berada pada tahap yang terkawal. Malahan, sejak 2006 hingga 2009, tidak terdapat kes penculikan dicatatkan sekali gus menunjukkan kejayaan ATB2 dalam mengekang ancaman ini (ESSCOM 2016). Selepas tahun 2010, terdapat beberapa kejayaan besar yang dicapai oleh pasukan ATB2 dalam melaksanakan Op Pasir. Antaranya adalah pada 14 April 2014, pasukan keselamatan berjaya menangkap empat individu yang disyaki elemen KfR memasuki perairan Sabah melalui Pulau Pom-Pom (MK ATB2 2014). Selain itu, sebuah lagi kejayaan *Ops Pasir* adalah pada 21 November 2018, pasukan keselamatan berjaya memberkas 67 orang migran haram di Tanjung Labian, Lahad Datu dan pada masa yang sama, 16 buah *pump boat* dan sebuah bot berbumbung turut dirampas (ESSCOM 2018; MK ATB 2018). Secara keseluruhannya, semenjak tahun 2013, MK ATB 2 berjaya melaksanakan pemeriksaan ke atas 14,915 buah bot dan 59,772 individu berjaya diperiksa ketika melaksanakan operasi. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 1,575 individu ditahan atas pelbagai kesalahan iaitu sembilan individu dikaitkan dengan ancaman militan, 332 individu melanggar perintah berkurung, 224 individu jenayah komersial (Kastam) dan 1,106 individu ditahan atas kesalahan imigresen (MK ATB2 2018).

MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG DAN DASAR ESSCOM

Selain daripada melaksanakan *Ops Pasir* yang menjadi sebahagian daripada Ops Sanggah yang dikordinasikan oleh ESSCOM, ATB2 turut bersama-sama dengan agensi lain dalam menyumbang kepada memperkasakan keselamatan di Pantai Timur Sabah melalui penguatkuasaan beberapa peraturan, undang-undang dan polisi kerajaan Malaysia. Dalam hal ini, terdapat beberapa dasar oleh ESSCOM di mana ATB2 berfungsi sebagai salah satu agensi penting dalam menguatkuasakan dasar ini. Salah satu daripadanya adalah perintah berkurung (curfew) di kawasan ESSZONE yang dilaksanakan sehingga kini. Perintah Berkurung mula dilaksanakan apabila Pesuruhjaya Polis Sabah mengumumkan bahawa Perintah Berkurung akan mula dilaksanakan pada 19 Julai sehingga 3 Ogos 2014 di seluruh wilayah ESSZONE yang meliputi terdapat tujuh buah daerah iaitu Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Tawau dan Semporna. Perisytiharan ini adalah berasaskan

kepada peruntukan Seksyen 31(1) dan 31(4) Akta Polis 1967 yang memberi kuasa penuh kepada Pesuruhjaya Polis Sabah untuk mengisyiharkan *curfew* bertujuan untuk menjamin keselamatan awam selama satu hari. Namun kuasa melanjutkan sehingga 14 hari adalah diperoleh daripada kuasa yang diturunkan oleh Menteri Dalam Negeri. Perlaksanaan *curfew* ini bermula selepas 3 batu nautika dari pesisir pantai besar Sabah sehingga ke sempadan perairan antarabangsa Filipina. Ia bermula dari pukul 6 petang ke 6 pagi. Ini dilakukan bagi memastikan bahawa insiden penculikan dapat diuruskan dengan baik di kawasan ini. Keluasan kawasan perintah berkungkungan ini adalah 12,270 batu persegi (Norhasni 2015).

MENINGKATKAN KERJASAMA DALAM KALANGAN AGENSI

Salah satu cabaran utama penguatkuasaan keselamatan di seluruh dunia adalah berkait dengan persaingan antara agensi keselamatan, tidak terkecuali di Malaysia. Walau bagaimanapun, ATB2 dalam hal ini berjaya menunjukkan bahawa walaupun wujud *command* yang berbeza di antara agensi keselamatan seperti ATM, PDRM atau agensi penguatkuasaan lain seperti APMM, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Laut Malaysia atau Jabatan Kastam Diraja Malaysia dalam pengawalan keselamatan, namun ATB2 berjaya menunjukkan bahawa ia merupakan salah satu agensi yang mampu untuk mengurangkan masalah yang berlaku di antara agensi ini. Ini dapat dilihat melalui kerjasama dan hubungan yang berlaku dalam mengkoordinasi beberapa operasi di Pantai Timur Sabah. Dalam hal ini, ATB2 terlibat dalam beberapa siri kerjasama melibatkan beberapa agensi. Salah satunya adalah Op Setia Bersepadu iaitu operasi penguatkuasaan maritim. Operasi ini pertama kalinya dijalankan pada 2009 melibatkan 3 agensi iaitu ATM, PDRM dan APMM namun kemudiannya diluaskan lagi melibatkan beberapa agensi lain seperti KDRM, Perikanan dan Imigresen pada tahun 2011 (*Buletin MAB* 2011). Melalui kerjasama seperti ini, ATB2 berjaya menunjukkan bahawa walaupun wujud perbezaan *command* dalam agensi-agensi terbabit, namun mereka mampu bekerjasama dalam melaksanakan beberapa operasi yang melibatkan kepentingan negara.

MENINGKATKAN TAHAP EKONOMI DAN KEHADIRAN PELANCONG

Selain itu, kehadiran tentera di beberapa daerah seperti Tawau, Semporna, Sandakan dan Kudat sejak tahun 2000 berjaya meningkatkan dan merancakkan kegiatan ekonomi penduduk di kawasan terbabit. Salah satu sektor utama yang amat terjejas akibat daripada insiden penculikan yang berterusan di kawasan ini adalah berkait dengan sektor pelancongan, terutamanya pelancong asing. Namun, melalui peranan yang dimainkan oleh ATB2, ia berjaya meningkatkan kehadiran pelancong di kawasan terbabit. Sememangnya sektor pelancongan merupakan sumber ekonomi penting

kepada Sabah. Untuk tahun tujuh bulan pertama tahun 2015 misalnya, seramai 1,840,447 orang pelancong memasuki negeri Sabah dengan membawa masuk sejumlah RM3.62 billion ke negeri ini. Sementara itu, untuk tahun 2016, negeri Sabah menerima kehadiran sejumlah 3.43 juta orang pelancong. Sehingga 2018, KKIA memberikan perkhidmatan kepada 180 penerbangan antarabangsa seminggu daripada 12 syarikat penerbangan asing daripada 17 destinasi yang berbeza (Ramli & Ahmad 2018).

Pada tahun 2017, dianggarkan seramai 3.684 juta pelancong melawat negeri ini dengan anggaran keuntungan sebanyak RM7.7 bilion, menjadikan industri ini penting kepada pembangunan ekonomi negeri. Untuk pelancong China sahaja, seramai 431,026 memasuki negeri ini pada tahun 2017 diikuti oleh pelancong dari Korea Selatan seramai 310,802 orang. Dalam hal ini, pada 2017, wilayah ESSZONE sahaja menerima kehadiran 1,200 orang pelancong setiap hari menjadikan kawasan pantai timur Sabah sebagai kawasan destinasi pelancongan utama di negeri Sabah. Untuk tempoh tersebut, industri ini menyumbang sebanyak RM7.25 billion kepada pembangunan ekonomi Sabah (Ramli & Ahmad 2018). Peningkatan ini sekali gus menunjukkan bahawa peranan ATB2 juga perlu diberikan perhatian dalam menjaga keselamatan negara dan sekaligus meningkatkan ekonomi negeri Sabah. Malahan kajian yang dijalankan oleh ATB dan UPNM pada tahun 2013 menunjukkan bahawa sektor perhotelan dan resort yang berkait rapat dengan aktiviti pelancongan berkembang dengan pesat sejak 10 tahun yang lepas termasuk sektor eco-tourism di beberapa kawasan seperti di daerah Semporna dan taman-taman laut akibat daripada usaha-usaha yang dijalankan oleh ATB2 dalam mengekang ancaman keselamatan ini (MAB 2013).

MENINGKATKAN KEYAKINAN RAKYAT DAN MENINGKATKAN IMEJ TENTERA MELALUI PENDEKATAN *MILITARY OPERATION OTHER THAN WAR (MOOTW)*

Dalam usaha meningkatkan penglibatan dan kerjasama dengan masyarakat, maka beberapa usaha diambil untuk meningkatkan *engagement* bersama masyarakat tempatan antaranya melalui ‘Rondaan Mesra dan Program Bertanya Khabar’ yang dilaksanakan di bawah Op Pasir. Idea ini diperkenalkan oleh PAB, Laksamana Madya Dato’ Seri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin sebaik sahaja beliau mengambil alih tumpuk pemerintahan MK AB pada 13 April 2011. Hasilnya Brigadier Jeneral Mohd Ezam Wan Chik selaku Komander ATB2 telah melaksanakan program ini pada pertengahan 2011. Melalui program ini, kawalan keselamatan tidak hanya diberikan kepada keselamatan di daratan dan perairan sahaja, tetapi tumpuan juga diberikan kepada hubungan untuk mendekati masyarakat. Ini dilakukan dengan bertanya khabar bagi memastikan hubungan baik wujud di antara pasukan keselamatan dan penduduk (Mohd Fahmi 2011).

Bagi menggiatkan usaha ini, ATB2 turut mengambil inisiatif tambahan dengan mewujudkan Kad Kecemasan Mesra pelbagai bahasa. Kad yang mengandungi nombor-nombor telefon pegawai bertugas di unit ATB2 di seluruh kawasan Op Pasir diedarkan kepada nelayan semasa rondaan dijalankan. Ini bagi membolehkan mereka memberikan maklumat sekiranya terdapat aktiviti yang mencurigakan atau sebarang masalah di laut. Inisiatif ini bukan sahaja menaikkan imej ATB2 tetapi dalam masa yang sama meningkatkan keyakinan dan rakyat kepada keselamatan negara (Mohd Fahmi 2011).

Bukan setakat itu, ATB2 juga terlibat secara langsung dalam mewujudkan hubungan yang rapat dengan penduduk kampung dan pesisir. Ini dilakukan dengan mengadakan program kesihatan bersama-sama penduduk-penduduk kampung di mana kawasan kawalan keselamatan yang di bawah kendalian ATB2. Salah satu daripada program keselamatan ini adalah berkait dengan penjagaan kesihatan gigi seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

JADUAL 1. Peratusan Kedatangan dan *Dentally Fit* Bagi Ops Pasir Sektor Utara, 2012

Bil	Kawasan	Kedatangan	Dentally Fit (%)
1	Pulau Berhala	96	722
2	Pulau Lankayan	100	60
3	Kem Sri Kudat	61	56.2
4	Pulau Karakit	100	94.4
5	Pulau Mandi Darah	100	91.7
6	Pulau Jambongan	100	93.3

Sumber: Nor Azman Abd Rahim (2012)

Di sektor utara *Ops Pasir* misalnya, ATB2 terlibat dalam menjayakan aktiviti rawatan kesihatan dan kebersihan gigi di beberapa kawasan yang di bawah tanggungjawab ATB2 sektor utara. Antara kawasan-kawasan terbabit adalah seperti Pulau Berhala, Pulau Lankayan, Kem Sri Kudat, Pulau Karakit, Pulau Mandi Darah dan Pulau Jambongan. Hal yang sama turut berlaku di *Ops Pasir* sektor Selatan di mana ATB2 secara aktif terlibat dalam aktiviti kesihatan bersama masyarakat. Jadual di bawah menunjukkan peratusan kedatangan dan dentally fit bagi *Ops Pasir* Sektor Selatan.

JADUAL 2. Peratusan Kedatangan dan *Dentally Fit* bagi *Ops Pasir* sektor Selatan, 2012

Bil	Kawasan	Kedatangan	Dentally Fit (%)
1	Kem Sri Wangsa	97.2	93.1
2	Pulau Danawan	100	100
3	Pulau Pandanan	100	100
4	Kem Azumi	32	30.7
5	Kem Lahad Datu	100	96.4
6	Kem Bakapit	100	100
7	Kem Tungku	100	100
8	Kem Tambisan	100	100

Sumber: Nor Azman (2012)

Jelasnya, aktiviti-aktiviti MOOTW yang dirancang dan dijalankan oleh ATB2 banyak membantu organisasi tersebut dalam meningkatkan imejnya dalam kalangan penduduk pesisir yang menjadi elemen penting kepada keselamatan di kawasan ini. Selain menyedari peranan komuniti lokal yang berfungsi sebagai mata dan telinga kepada keselamatan negara, tindakan seperti ini juga dilihat mampu meningkatkan dan menambah baik hubungan tentera-rakyat terutamanya dalam memahami peranan ATB2 di kawasan yang berancaman tinggi terutamanya di pantai Timur Sabah. Tidak menghairankan beberapa kajian menunjukkan bahawa keyakinan rakyat meningkat disebabkan oleh kehadiran ATB di kawasan-kawasan terabit (*Buletin MAB* 2013).

CABARAN DAN MASA HADAPAN

Salah satu isu utama mengenai peranan ATB2 dalam mendepani ancaman keselamatan di Pantai Timur Sabah adalah berkait dengan pendekatan konvensional di mana penempatan pasukan keselamatan ATB2 di kawasan pulau-pulau dilihat sebagai satu pembaziran sumber. Ini kerana kuasa yang diberikan kepada pasukan ATB2 tidak dapat digunakan sepenuhnya memandangkan kuasa menangkap tidak diberikan kepada pasukan ini. Maka, ATB2 dilihat sebagai agensi yang kehadirannya hanya mampu mengundang rasa takut penjenayah sedangkan hakikatnya ATB2 tidak diberi kuasa untuk menangkap. Untuk tujuan tersebut, maka wujudnya keperluan untuk melihat isu ini dengan lebih mendalam bagi memastikan fungsi dan peranan ATB2 dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam menjamin keselamatan negara.

Selain itu, penggunaan peralatan yang sudah lama dan bersifat tidak lagi relevan masih digunakan menjadikan data-data yang diperoleh kadang kala tidak tepat dan mendapat maklum balas yang agak perlahan. Ringkasnya, dalam menuju zaman IR 4.0, penggunaan tenaga manusia perlu diminimumkan sebaik mungkin. Penempatan pasukan keselamatan di kawasan pulau-pulau boleh dikurangkan dengan penggunaan peralatan yang lebih canggih dan moden yang boleh mengesan elemen jenayah dari jarak jauh. Walaupun sistem yang sedia ada sudah lebih daripada yang mencukupi namun sepatutnya ATB2 perlu mengambil kira kecanggihan teknologi serta sistem dan bukan penggunaan manusia. Sehubungan dengan itu, wujud keperluan untuk meningkatkan penggunaan aset yang lebih moden selaras dengan perubahan zaman seperti peralatan *long range detection, unmanned surveillance system* dan *real-time info* seperti dron dan radar. Ini dinamakan sebagai konsep pertahanan ke hadapan. Melalui konsep ini, ATM bukan hanya perlu menjaga kawasan yang betul-betul berada di sempadan, tetapi yang penting adalah mempunyai *projection* melalui contoh penggunaan MRCA iaitu kemampuan untuk melihat sebarang kemungkinan (cubaan serta tindakan ketenteraan terhadap kita) melebihi 200 nautika mile. Dalam masa yang sama, peningkatan penggunaan alat bantu penglihatan seperti *thermal* dan *infrared* yang boleh membantu pasukan keselamatan menjaga keselamatan sewaktu malam turut dilihat penting dalam memperkasakan peranan ATB2.

Selain itu, jarak sempadan negara di Pantai Timur Sabah yang berhampiran dengan negara jiran hanya merugikan penggunaan aset yang mempunyai saiz seperti *mothership* bagi tujuan rondaan, seperti yang berlaku dalam kes ATB2 pada hari ini. Justeru, pembelian aset seperti bot peronda yang bersaiz lebih sederhana dapat meningkatkan jumlah rondaan di samping mampu mengurangkan penggunaan bahan api yang menjadi kekangan dalam pelaksanaan operasi. Satu lagi cabaran utama ATB dalam mendepani ancaman keselamatan di wilayah ESSZONE ini adalah berkait dengan kekangan terutama dari segi peruntukan bagi memastikan pasukan ini sentiasa berada pada tahap kesiapsiagaan yang tertinggi. Dalam bajet 2018 dan 2019 misalnya, pengurangan kurang daripada 1 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) negara untuk pertahanan mengganggu operasi ATM secara keseluruhannya.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa sejak penubuhannya pada awal 2000, ATB2 memainkan peranan yang sangat besar dalam memastikan keselamatan negara terutamanya di wilayah ESSZONE melalui *Ops Pasir*. Kejayaan-kejayaan yang dikehendaki ini bukan hanya dilihat daripada tahap kesiapsiagaan pasukan keselamatan dalam mendepani ancaman KfR dan ancaman keselamatan yang lainnya, tetapi juga melalui beberapa pendekatan lain terutamanya melalui pendekatan bukan tentera dalam mengurus masalah keselamatan di wilayah ESSZONE ini. Namun, dalam meraikan

kejayaan dan sumbangan ini, ATB2 turut berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran bagi memastikan ia mampu terus relevan dalam dunia moden pada hari ini. Penulis dalam hal ini melihat bahawa ATB2 perlu terus dikenalkan dengan menambah baik pasukan ini agar ia selari dengan keperluan keselamatan negara terutamanya dalam berhadapan dengan ancaman keselamatan di Pantai Timur Sabah.

PENGHARGAAN

Kajian ini adalah sebahagian daripada tesis PhD. Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kepada ATM, ATB2, Majlis Keselamatan Negara (MKN), ESSCOM dan semua pihak yang menjayakan kajian ini. Sekalung penghargaan kepada UMS atas pemberian Geran SDN013-2019 yang memperuntukkan sebahagian bantuan kewangan untuk kajian ini.

NOTA HUJUNG

- ¹ Operasi Sanggah pada asalnya dikenali sebagai Operasi Daulat iaitu operasi yang dilaksanakan ekoran daripada pencerobohan yang berlaku pada 12 Februari 2013. *Ops Daulat* diangkat sebagai nama operasi keselamatan bagi mempertahankan kedaulatan negara yang dicabar oleh kumpulan penceroboh daripada Selatan Filipina yang dikenali sebagai “Tentera Kesultanan Sulu” yang menuntut negeri Sabah sebagai sebahagian daripada wilayah “Kesultanan Sulu”. Setelah Operasi Daulat berjaya menghapuskan pencerobohan, operasi ini diteruskan dan digantikan dengan *Ops Sanggah*. Operasi Sanggah yang bermaksud “Sanggah” iaitu melawan elemen yang mengganggu gugat keselamatan di wilayah Pantai Timur Sabah.

RUJUKAN

Abdul Rahim Anuar, Rusdi Omar, Laila Suriya Ahmad Apandi & Dewi Natasha Rasid. 2018. Effect of ESSZONE Establishment on Maritime security and Economic Activity: A Case Study of Tawau District. *Indian Journal of Public Health Research & Development* 9 (10): 271-279

Abdul Rashid Abdul Hamid & Ramli Dollah. 2020. Dari ‘Mundu’ ke Penculikan untuk Tebusan: Evolusi Ancaman Keselamatan Maritim di Pantai Timur Sabah. *Jurnal Kinabalu* 26 (1): 1-22

Abuza, Z. 2005. *Balik-Terrorism: The Return of the Abu Sayyaf*. Carlisle: Strategic Studies Institute

Berita Harian. 2015, 16 April. Pala'u Terdedah kepada Eksplotasi Penjenayah Rentas Sempadan.

- Buendia, R. 2005. The State-Moro Armed Conflict in the Philippines: Unresolved National Question or Question of Governance? *Asian Journal of Political Science* 13 (1): 109-138
- Buletin MAB*. 2010. Markas Angkatan Bersama. PurpleForce 1
- Buletin MAB*. 2011. Markas Angkatan Bersama. PurpleForce 2
- Buletin MAB*. 2013. Persepsi Keselamatan di Pantai Timur Sabah, *PurpleForce* 6
- Buletin MAB*. 2014. Markas Angkatan Bersama. *Purple Force* 10
- Chaijaroenwatana, B. & Haque, M.M. 2020. Displaced Rohingya and Concern for Non-traditional Security Risks in Thailand. *Asian Affairs: An American Review* 47(3): 201–225
- Chalk, P. 1997. *Grey Area Phenomena in Southeast Asia: Piracy, Drug Trafficking and Political Terrorism*. Canberra: Australian National University
- Dgku Siti Noraini Pg Alli Rahman, Ramli Dollah & Diana Peters. 2019. Keselamatan Societal dan Isu Kalimah Allah di Malaysia. *Jurnal Kinabalu* 25: 47-69
- Duffy, K. 2017. *Swords of the Sulu Sea: Countering the World's Most Maritime Terrorist Group*. Modern War Institute. March 30
- East, B. 2018. *21st Century Philippines Piracy: The Abu Sayyaf Adds a New Dimension to Terror*. London: Cambridge Scholar Publishing
- Eko Prayitno Joko. 2014. Isu Pemilikan Wilayah Pantai Timur Sabah: Satu Penelusuran daripada Sudut Sumber Sejarah. *Jurnal Kinabalu* 20: 1-34
- ESSCOM. 2014. Tempoh Perintah Berkurung di Sabah di Lanjut- KPN.
- ESSCOM. 2016. *Buletin ESSCOM*. Edisi Ke-8. (Jan-Jun)
- ESSCOM. 2018. Sesi Konsultasi Khas ESSCOM-PDRM
- ESSCOM. 2019. *Round Table Dialogue*. Komander Eastern Command. 25-26 April
- ESSCOM. 2019. Taklimat Keselamatan ESSCOM, 15 Februari
- ESSOM. 2015. *Laporan Tahunan ESSCOM 2015*

- Freedman, A.L. and Murphy, A.M. (eds.). 2018. *Non-traditional Security Challenges in Southeast Asia: The Transnational Dimension*. Boulder, Colo.: Lynne Rienner
- Gutierrez, N. 2016, 22 September. Millions of Dollars Paid to Free Indonesia Hostages. <https://www.rappler.com/world/asia-pacific/abu-sayaf-ransom-indonesia-hostages> [23 Sept. 2019]
- Hazani Ghazali, Pesuruhjaya Polis Sabah. 2020. *Webinar Keselamatan Sempadan Sabah: dalam Senario Ancaman Covid19*. (11 November 2020)
- ICC International Maritim Bureau. 2004. *Annual Report: Piracy and Armed Robbery against Ships*. London: IMB
- Jawhar, J & Sariburaja, K. 2016. *The Lahad Datu Incursion on Malaysia's Security*. Kuala Lumpur: SEARCCT.
- Kamarulnizam Abdullah. 1999. Agenda Baru Keselamatan di Era Pasca Perang Dingin. *Jurnal Kinabalu* 5: 152-176
- Kamarulnizam Abdullah. (2010). Emerging Threats to Malaysia's National Security. *Journal of Policing, Intelligence and Counter Terrorism* 5(2): 55-70
- Kramer, K. 2001. Legal to Illegal: Southeast Asia's Illegal Arms Trade. *Kasaririan: Philippine Journal of Third World Studies* 16(2): 41-48
- Lai Yew Meng. 2016. Securing Sabah: Issues, Challenges and Responses. *Journal of Public Security and Safety* 4(2): 59-78
- Martin, P., Abella, M., Midgley, E., 2004. Best Practices to Manage Migration: The Philippines. *The International Migration Review* 38(4): 1544-1560
- McCabe, R.C. 2018. *Modern Maritime Piracy: Genesis, Evolution and Responses*. New York: Routledge
- Mohamad Daud Druis. 2016. *Ancaman Keselamatan Bukan Tradisional: Dadah dan Keselamatan Insan di Malaysia*, Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor
- Mohd Fahmi Ishak. 2011. Inisiatif Konsep Rondaan Mesra dan Program Bertanya Khabar. *Purple Force* 4: 47-48
- Mohd Fahmi Ishak. 2016. Lawatan MENHAN ke PL TSR, *Purple Force* 12: 42-43

- Mohd Faliq Zainin. 2014. Markas Angkatan Tugas Bersama 2 (Pangkalan Operasi Hadapan), *Purple Force* 10: 4-7
- Mohd Mizan Mohammad Aslam. 2018. Cross Border Crime in Funding Terrorism Activities in Southeast Asia: Malaysia Case. *Advance Research Journal of Multidisciplinary Discoveries* 25(9): 64-75.
- Nor Azman Abd Rahim. 2012. Program Active Dental Support (ADS) di Kawasan Ops Pasir. *Purple Force* 6: 5
- Norhasni Mohd Yusof. 2015. Pangkalan Laut (*Sea Basing*), *Purple Force* 11: 34-35
- PGA. 2003. *Fail PGA*: Kajian Status Operasi Pasir Briged Sabah Pasukan Gerakan Am.
- Rabasa, A & Chalk, P. 2012. *Non-traditional Threats and Maritime Domain Awareness in the Tri-Border Area of Southeast Asia: The Coast Watch System of the Philippines*. Santa Monica, CA: Rand Corporation
- Ramli Dollah & Ahmad Sahide. 2018. Keselamatan dan Potensi Sebatik sebagai Destinasi Baru Pelancongan di Pantai Timur Sabah. Dalam *Pulau Sebatik: Pulau Dua Negara yang Terpinggir di Malaysia* disunting oleh Ramli Dollah et. al. Yogyakarta: Universitas Muhamadiyyah Yogyakarta
- Ramli Dollah & Mohd Zambri Suharani. 2015. Fungsi dan Peranan ESSCOM dalam Menjamin Keselamatan Sabah: Satu Perbandingan Persepsi antara Komuniti 'Luar' dan Komuniti ESSZONE. *Jurnal Komunikasi Borneo* 2: 1-28
- Ramli Dollah, Wan Shawaluddin Wan Hassan, Diana Peters dan Zaini Othman. 2016. Old Threats, New Approach and National Security in Malaysia: Issues and Challenges in Dealing with Cross-border Crime in East Coast of Sabah, *Mediterranean Journal of Social Sciences* 7 (3): 178-186
- Ramli Dollah. 2004. Lanun atau Mundu di Sabah? *JATI* 9: 171-188.
- Santos, M. S. et. al. 2010. *Primed and Purposeful Armed Groups and Human Security Efforts in the Philippines*. Switzerland: Small Arms Survey.
- Siti Nur Azilayati Rahmah Raman & Mohd Adnan Hashim. 2020. An Analysis on the Aftermath of Lahad Datu Incursion. *Journal of Media and Information Warfare* 13 (1): 87-104
- Storey, I. 2018. Trilateral Security cooperation in the Sulu-Celebes Seas: A Work in Progress. *Perspective* 48: 1-7

The Sydney Morning Herald. 30 Oktober 1985. Filipino Pirates Wreak Havoc in a Malaysian Island

Ugarte, F. 2010. In a Wilderness of Mirrors: The Use and Abuse of the ‘Abu Sayyaf’ Label in the Philippines. *South East Asia Research* 18(3): 373-413

Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. 2008. Isu-isu Keselamatan Sabah dan Impak kepada Malaysia. *JATI* 13: 49-68.

Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. 2013. *Pendatang dan Isu Keselamatan di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Whitman, S. & Saurez, C. 2012. *Dalhousie Marine Piracy Project: The Root Causes and True Costs of Marine Piracy*. Diakses daripada <http://marineaffairsprogram.dal.ca/Publications> [12 Oktober 2020]

Wu, S & Zou, K. 2014. *Non-traditional Security Issues and the South China Sea: Shaping a New Framework for Cooperation*. London: Routledge

Zarina Othman, et. al. 2016. Memelihara Keselamatan Negara Malaysia: Peristiwa Lahad Datu, Sabah. *Geografa*, 12(7): 147-159

Abdul Rashid Abdul Hamid
Majlis Keselamatan Negara
Jabatan Perdana Menteri
62502, Putrajaya
Malaysia
Email: arah81@gmail.com

Ramli Dollah, PhD (corresponding author)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Sabah Malaysia
88400, Kota Kinabalu, Sabah
Malaysia
Email: ramlid@ums.edu.my